

Jalankan pemeriksaan bagi kanser serviks setiap 5 tahun




Government
of South Australia

SA Health

NATIONAL
CERVICAL SCREENING
PROGRAM


A joint Australian, State and Territory Government Program



Jalankan pemeriksaan kanser serviks setiap lima tahun.



Sekiranya anda berumur 25-74, dan menjalankan hubungan kelamin, anda harus menjalani Pemeriksaan Serviks.



Pemeriksaan Serviks memeriksa kesihatan serviks anda. Serviks bertempat di dalam faraj. Ianya merupakan bukaan rahim/uterus anda.



Anda perlu berjumpa dengan doctor atau jururawat untuk menjalani Pemeriksaan Serviks.



Anda boleh hadir dengan seseorang yang akan memberikan sokongan.



Anda perlu duduk di bilik menunggu sehingga doktor sedia menemui anda.



Doktor anda berbincang dengan anda tentang Pemeriksaan Serviks.



Anda mungkin terasa gementar atau malu.



Orang yang membantu anda boleh berada dengan anda jika mahu. Anda perlu baring di atas katil dan menanggalkan seluar dalam. Anda akan diberi satu cadar untuk menutup badan anda dari pinggan ke bawah.




Doktor anda perlu melihat di dalam badan anda dengan menggunakan satu alat yang dipanggil spekulum.

Doktor mungkin menggunakan gel untuk memudahkan ianya dimasukkan.



Adalah penting untuk cuba menahan dan menarik nafas, dan lembutkan otot di kawasan pelvis. Anda boleh berhenti pemeriksaan pada bila-bila masa sekiranya anda terasa terlalu tidak selesa.




Doktor anda menggunakan spekulum untuk membuka faraj dengan perlahan. Gambar ini menunjukkan apa yang berlaku.


Doktor anda akan menggunakan satu berus yang kecil untuk menggosok dengan lembut beberapa sel daripada serviks anda.




Sel-sel akan dimasukkan dalam satu bekas cecair dan akan dihantar untuk pemeriksaan.




Badan kita terdiri daripada sel-sel. Virus HPV boleh menyebabkan sel-sel dalam serviks anda berubah daripada sihat kepada tidak sihat. Pemeriksaan serviks yang kerap untuk virus HPV boleh memastikan sel-sel serviks anda sentiasa sihat.



Anda mungkin memerlukan seseorang penterjemah untuk membantu dalam Bahasa Inggeris, atau seseorang pekerja atau ahli keluarga untuk membantu anda. Doktor anda akan memberitahu tentang keputusan pemeriksaan anda, atau boleh bertanya pada lawatan yang seterusnya.



Sekiranya pemeriksaan menunjukkan bahawa anda menghadapi virus HPV, dan/ atau sel-sel serviks anda tidak sihat, doktor anda akan memberitahu anda apa yang anda perlu tahu.



Syabas!
Anda telah menjaga kesihatan diri anda.

Hakcipta

Hakcipta Kerajaan SA

Anda boleh muat turun, mempamirkan atau mengeluarkan semula penerbitan ini dalam bentuk yang tidak diubah untuk tujuan-tujuan kerja, pembelajaran atau latihan tertakluk kepada penyertaan penghargaan punca dan rujukan kepada tajuk penerbitan ini.

Bukan untuk tujuan komersil atau jualan. Selain daripada kegunaan yang dibenarkan di bawah Akta Hakcipta 1968, semua hak-hak dipelihara.

Penafian:

Penerbitan ini merupakan panduan sahaja dan bukanlah nasihat professional. Pembaca digalakkan untuk mendapatkan nasihat professional yang sesuai sebelum bergantung kepada bahan yang terkandung didalamnya. Biarpun penelitian telah diambil untuk memastikan bahawa bahan yang terkandung dalam penerbitan ini adalah yang terkini pada masa penerbitan, Program Pemeriksaan Serviks SA. SA Health, tidak menerima sebarang tanggungjawab ke atas ketepatan atau kelengkapan bahan dalam penerbitan tersebut dan secara langsung menafikan sebarang liability atau kerosakan yang timbul daripada pergantungan kepada sebarang maklumat yang terkandung didalamnya

Ke manakah boleh saya pergi?

Ke manakah boleh saya pergi untuk mendapatkan Pemeriksaan Canser Serviks?

- Doktor anda
- Pusat GP Plus Health Care
- Klinik-klinik SHINE SA
- Pusat-pusat Kesihatan Wanita
- Pusat Kesihatan Awal

Maklumat tentang Vaksin HPV:

www.hpvaccine.org.au/

www.cancerscreening.gov.au/cervical/resources

Buku Pendaftaran Pemeriksaan Serviks Kebangsaan:

1800 627 701

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Program Pemeriksaan Serviks SA

PO Box 6, Rundle Mall, Adelaide SA 5000

Emel: healthcervixscreening@sa.gov.au

www.sahealth.sa.gov.au/cervicalscreening

Perkhidmatan Penterjemahan:

13 14 50



<https://creativecommons.org/licenses>

FIS: 18016.13. (MALAY) May 2019